3.5.1	Menulis	Menulis isi-isi penting untuk menghasilkan ringkasan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.

Baca petikan di bawah dengan teliti berdasarkan petikan tersebut tulis ringkasan tentang harapan terhaap golongan belia. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan.** Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan tersebut.

Dunia tanpa sempadan memberikan cabaran dan daya saing dalam bentuk baharu kepada belia, sekaligus memerlukan mereka melengkapkan diri dengan kemahiran tambahan demi menghadapi persekitaran kerja yang sentiasa berubah. Perdana Menteri mahu belia Malaysia lebih inovatif bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja baharu. Demi mencapai matlamat itu, pembelajaran sepanjang hayat harus menjadi gaya hidup belia supaya mereka tidak ketinggalan untuk sentiasa mempunyai kemahiran terbaharu dan lebih canggih

Dalam pada itu, negara juga menghadapi sikap rakyat terutamanya belia yang tidak suka melakukan pekerjaan di sektor "3D" iaitu kerja yang kotor, berbahaya dan sukar menyebabkan negara banyak bergantung pada pekerja asing bagi mengisi kekosong dalam sektor tersebut. Oleh itu, golongan belia yang menganggur tidak boleh memilih pekerjaan. Negara juga bernasib baik kerana semakin ramai bakal tenaga kerja tempatan kini lebih berpendidikan sama ada lepasan university, politeknik atau pusat latihan kemahiran.

Para belia Malaysia juga perlu diberikan pendedahan dan pengalaman bekerja di samping memastikan mereka mengikut skim latihan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang baharu. Bagi mereka yang berminat belajar, golongan belia digalakkan belajar sehingga tahap yang lebih tinggi. Kerajaan mahukan rakyat yang memberikan tinggi sebagai barisan kepimpinan negara. Sebenarnya ramai dalam kalangan belia yang berpuas hati terhadap kerjaya yang diceburi menyebabkan mereka berada dalam zon selesa dan enggan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta inovasi

Sikap berpuas hati ini perlu ditukar kepada sikap ingin terus maju dalam usaha yang berlipat kali ganda. Banyak lagi ruang yang boleh disertai untuk meraih kejayaan. Oleh itu, belia perlu menjadi seorang inovator dengan menerokai bidang-bidang baharu yang tidak dicubai oleh orang lain. Sesungguhnya kita beruntung kerana kehadiran pekerjaan profesional asing dapat berkongsi kemahiran dan teknologi dengan pekerja tempatan seperti penganalisis sistem, pereka web dan jurutera sistem.

LIVEWORKSHEETS

_____ patah perkataan

LIVEWORKSHEETS